



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**  
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

14.01.2022

*Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) untuk maklumat lanjut.*

*Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.*

## ❖ Peningkatan dalam bilangan pekerjaan namun risikonya masih ada

Dalam karya agungnya, *The Wealth of Nations* yang diterbitkan pada tahun 1776, Bapa Ekonomi Adam Smith berhujah bahawa peluasan proses pengeluaran dan bukannya sektor perdagangan yang akan mencipta kekayaan yang lebih besar untuk negara.

Umum mengetahui terdapat empat faktor pengeluaran yang merupakan input penting untuk membolehkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan iaitu buruh, tanah, modal dan keusahawanan. Faktor-faktor ini dianggap sebagai bahan binaan dalam sesebuah ekonomi yang terjalin secara kompleks bagi memastikan roda ekonomi sentiasa berputar.

Kepentingan buruh dalam ekonomi juga tidak boleh dipandang enteng. Ahli ekonomi percaya bahawa tenaga kerja yang berkualiti akan memacu pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan produktiviti dan inovasi. Gaji yang lebih tinggi menyediakan pekerja dengan taraf hidup yang lebih baik, seterusnya meningkatkan perbelanjaan pengguna dan mewujudkan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan.

Inilah sebabnya bilangan pekerjaan merupakan penunjuk penting bagi kerajaan dan bank pusat untuk menilai tahap kesihatan ekonomi sebelum menetapkan dasar monetari.

Walau bagaimanapun, pasaran buruh dalam negara masih terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sejak Malaysia dilanda pandemik COVID-19 pada awal 2020, kerajaan telah melaksanakan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (*movement control order*, MCO) bagi mengekang penularan wabak itu. Perniagaan dikehendaki mematuhi prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP) yang ketat dengan mengehadkan waktu perniagaan dan tenaga kerja mereka. Perniagaan yang mana pihak pengurusan dan pekerja bawahannya terjejas, terpaksa mengambil langkah

pemotongan gaji atau memberhentikan pekerja bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

Ini secara tidak langsung melonjakkan kadar pengangguran. Jumlah penganggur meningkat 57.3% kepada 826,100 orang pada bulan Mei 2020, daripada 525,200 orang pada bulan Februari 2020, iaitu sebelum bermulanya pandemik COVID-19. Akibatnya, kadar pengangguran meningkat daripada 3.3% kepada 5.3% dalam tempoh yang sama.

Tahun 2020 turut menyaksikan kadar pengangguran meningkat kepada 4.5% berbanding 3.3% pada tahun 2019. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia, DOSM*), ini merupakan kadar tertinggi pernah dicatatkan sejak tahun 1992. Secara keseluruhan, bilangan penganggur melonjak 40% tahun ke tahun daripada 508,200 pada 2019 kepada 711,000 pada tahun 2020.

Selain itu, bilangan orang yang bekerja kurang daripada 30 jam disebabkan jenis pekerjaan atau kerja yang tidak mencukupi telah meningkat 65%, daripada 337,600 kepada 556,800. Ini menyebabkan nisbah mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu kepada jumlah mereka yang mempunyai pekerjaan, meningkat sebanyak 1.5% kepada 3.7% pada tahun 2020 berbanding 2.2% pada tahun 2019.

Kadar pengangguran masih melebihi 4.5% untuk kebanyakan bulan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, masih ada sinar harapan buat rakyat Malaysia. Apabila ekonomi dibuka, lebih banyak perniagaan menyambung semula aktiviti mereka. Ini mendorong pengurangan bilangan penganggur kepada kurang 700,000 buat kali pertama sejak April 2020.

Menurut Jabatan Statistik Malaysia, situasi tenaga buruh yang bertambah baik adalah sejajar dengan pemulihan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial, sekali gus mengurangkan jumlah pengangguran.

### **Prospek pasaran pekerjaan yang berhati-hati**

Kenanga Research menjangkakan kadar pengangguran bagi tahun 2021 akan mencapai unjuran 4.6% sebelum mencatatkan penurunan kepada 3.9% pada tahun 2022. Ini adalah selaras dengan pembukaan semula ekonomi domestik secara meluas yang turut didorong oleh kejayaan kempen vaksinasi COVID-19. Syarikat penyelidikan itu menjangkakan ekonomi tempatan akan meneruskan momentum pemulihannya, disokong oleh penggubalan pelbagai dasar yang berterusan serta permintaan luar yang kukuh.

Walaupun penggubal dasar dan kerajaan meraikan pertambahan bilangan pekerjaan, ahli ekonomi memberi amaran bahawa prospek ini mungkin tidak seindah seperti yang dijangka.

Menurut Dr Geoffrey Williams, Profesor dan Dekan di Institut Pengajian Lulusan Ijazah di Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), orang ramai perlu peka sama ada penyusutan kadar pengangguran adalah disebabkan oleh peningkatan keadaan ekonomi dan sosial atau disebabkan oleh dasar kerajaan. (Sumber: Artikel bertajuk "Pengangguran masih membimbangkan walaupun kadar pengangguran mencapai tahap paling rendah") ("*Underemployment remains a concern amid*

*lowest unemployment rate*”, yang bertarikh 11 Januari 2022 dan diterbitkan dalam The Malaysian Reserve)

Beliau menjangkakan kadar pengangguran secara keseluruhan akan terus menyusut pada Disember 2021 dan 2022. Penurunan dalam jumlah pengangguran secara keseluruhan akan dilihat sebagai positif dan mencerminkan pelonggaran sekatan yang membolehkan perniagaan dibuka semula serta mengambil pekerja yang mereka berhentikan sebelum ini.

Sebaliknya, menurut pengamatan beliau, pekerjaan yang bergaji rendah semakin bertambah. Ujar beliau, terdapat peningkatan sebanyak 20,100 pekerja berakaun sendiri yang kebanyakannya adalah pekerja bergaji harian dalam perusahaan kecil dan sederhana atau pekerja ekonomi gig yang bergaji rendah. Terdapat juga peningkatan sebanyak 4,700 pekerja keluarga yang tidak dibayar gaji dan peningkatan jumlah pekerja yang bekerja sendiri sebanyak 3,800. Secara keseluruhan, terdapat 28,600 pekerja sambilan dan sementara dalam pekerjaan yang tidak menentu dan dibayar gaji yang rendah.

“Jadi, walaupun bilangan penganggur telah berkurangan dan jumlah tenaga kerja dan tenaga buruh telah meningkat, pekerjaan mereka ini berkualiti rendah dan mereka juga dibayar gaji yang rendah,” tambah beliau.

Walaupun teruja dengan pertambahan jumlah tenaga kerja, Profesor Ekonomi di Sekolah Perniagaan Universiti Sunway, Dr Yeah Kim Leng ingin melihat penciptaan lebih banyak pekerjaan yang bernilai tinggi melalui pelaburan baharu supaya benar-benar membantu meningkatkan pasaran pekerjaan dan mewujudkan tenaga kerja yang lebih mahir.

Beliau menganggap fasa semasa hanyalah penyambungan semula aktiviti ekonomi dan normalisasi permintaan selepas pelbagai sekatan yang dikuatkuasakan untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Selain itu, kekurangan bekalan dalam banyak industri mungkin menjana permintaan yang lebih tinggi untuk pekerja.

### **Pekerjaan banyak tetapi berkualiti rendah**

Pasaran buruh tempatan seakan sedang mengalami krisis kualiti pekerjaan. Industri berintensif buruh iaitu pembuatan dan perladangan menawarkan banyak peluang pekerjaan tetapi ia nampaknya berkualiti rendah. Situasi ini tidak membantu ekonomi dan pembangunan negara dalam jangka panjang.

Persatuan Pengilang Sarung Tangan Getah Malaysia (*Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association*, MARGMA) sejak kebelakangan ini membuat rayuan kepada Kerajaan supaya membenarkan pekerja asing memasuki negara ini bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Mereka memberi alasan kekurangan 25,000 pekerja yang kritikal sejak 2019.

Menurut MARGMA, walaupun terdapat program pengambilan pekerja tempatan di bawah inisiatif Kementerian Sumber Manusia seperti JobsMalaysia dan PenjanaKerjaya sejak 2019, program ini tidak begitu berjaya kerana kadar pengambilan adalah jauh di bawah sasaran MARGMA iaitu 10,000 pekerja tempatan.

Segelintir syarikat awam tersenarai juga menyatakan masalah tenaga kerja sebagai salah satu alasan di sebalik prestasi kewangan yang lemah. Sebagai contoh, penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik ATA IMS Bhd mengaitkan kerugian bersih syarikat untuk suku kedua tahun kewangan 2022 yang berjumlah RM11.17 juta kepada masalah tenaga kerja yang diburukkan lagi dengan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan penuh (*full movement control order, FMCO*) dalam tempoh tersebut.

Dalam industri perladangan pula, penganalisis menyatakan bahawa rancangan pengambilan pekerja asing untuk menangani isu kekurangan buruh nampaknya masih tertangguh. Masalah kekurangan buruh ini mungkin dapat diselesaikan sebahagiannya pada separuh pertama tahun 2022.

Menurut Ketua Ahli Ekonomi dan Ketua Penyelidik AmBank Research, Anthony Dass, pekerjaan berkualiti rendah yang tersebar luas dalam pasaran buruh mungkin membantutkan pertumbuhan ekonomi serta menekan belanjawan awam. (Sumber: Artikel bertajuk "Pekerjaan berkualiti diperlukan untuk membantu momentum pemulihan" ("*Quality jobs needed to aid recovery momentum*") bertarikh 10 Januari 2022 yang diterbitkan di laman web The Star Online)

Memandangkan mereka yang terlibat dalam pekerjaan seumpama ini lazimnya menerima gaji minimum, kuasa beli mereka terhad mengikut gaji yang diterima. Mereka juga lebih terdedah kepada tekanan berkaitan kewangan, pendapatan yang tidak terjamin serta kesihatan yang merosot. Selain itu, perniagaan mungkin mendapat manfaat daripada peningkatan dalam pekerjaan yang berkualiti, sejajar dengan peningkatan daya saing ekonomi. Pada abad ke-21 ini, "perlumbaan ke paras paling rendah" bukan lagi formula pembangunan ekonomi yang sesuai.

Penggubal dasar bertanggungjawab untuk menarik pelaburan berkualiti bagi mewujudkan pekerjaan yang berkualiti untuk rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, kita perlu menambah baik sistem pendidikan bagi mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran. Jika trend pekerjaan berkualiti rendah ini masih berterusan, Malaysia berisiko terperangkap dalam kelompok yang berpendapatan sederhana.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 17 hingga 21 Januari 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
17.01.22 (Isnin) 10.00 pagi	Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	F&N berjaya meningkatkan pendapatannya sebanyak 3.6% tahun ke tahun kepada RM4.13

		<p>bilion walaupun berdepan persekitaran operasi yang sukar.</p> <p>Bagaimanapun, keuntungan bersihnya menyusut 3.7% kepada RM395.1 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh peningkatan kos komoditi dan pengangkutan serta perbelanjaan penstrukturan semula yang tinggi. Peningkatan ini sebahagiannya diselaraskan oleh insentif cukai pelaburan untuk F&amp;B Thailand dan pengiktirafan aset cukai tertunda bagi F&amp;B Malaysia.</p> <p>Kumpulan tetap mengambil langkah berjaga-jaga untuk berdepan cabaran dan ketidaktentuan global yang masih berterusan. Ia tidak menjangkakan pasaran akan pulih kepada keadaan sebelum pandemik dalam masa terdekat, malah mengandaikan harga komoditi akan terus meningkat pada masa hadapan.</p>
20.01.22 (Khamis) 10.00 pagi dan 10.30 pagi	Revenue Group Bhd (EGM)	<p>Kumpulan Revenue akan mengadakan dua EGM pada Khamis depan bagi mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk dua resolusi.</p> <p>Resolusi pertama adalah berkaitan cadangan pemerolehan empat bidang tanah pajakan dengan bangunan yang didirikan daripada Starplus Corporation Sdn Bhd masing-masing pada harga RM24.50 juta dan RM19.50 juta. Cadangan Pemerolehan ini menyediakan peluang kepada Kumpulan Revenue untuk memperoleh hartanah yang strategik, yang membolehkannya</p>

		<p>berkembang, serta menyatukan operasi di bawah satu bumbung.</p> <p>Selain itu, Kumpulan juga berhasrat mendapatkan kelulusan bagi cadangan untuk melanjutkan tempoh jaminan keuntungan yang digabungkan dari 30 September 2020 kepada 31 Disember 2020 yang berkaitan pemerolehan 51.0% kepentingan ekuiti dalam Buymall Services Sdn Bhd oleh sebuah anak syarikat milik sepenuhnya iaitu Revenue Harvest.</p>
20.01.22 (Khamis) 11.00 pagi	Johan Holdings Bhd (AGM)	<p>Johan mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM161.06 juta bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Julai 2021, hasil daripada pelupusan Diners Club (Singapore) Pte Ltd dan Diners Pay Pte Ltd pada 2021. Inilah kali pertama Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih sejak tahun kewangan 2012.</p> <p>Walau bagaimanapun, prestasi ini mungkin tidak dapat bertahan kerana Kumpulan mengalami kerugian daripada operasi yang berterusan.</p> <p>Melangkah ke hadapan, prestasi kewangan Kumpulan dijangka akan didorong oleh penceburan ke dalam aktiviti pembuatan sarung tangan.</p>
21.01.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Astino Bhd (AGM)	<p>Astino mencapai keuntungan sebelum cukai tertinggi dalam tahun kewangan 2021, sejak ia disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 2003. Peningkatan keuntungan sebelum cukai ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan harga jualan purata yang</p>

	seterusnya meningkatkan margin keuntungan.
--	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	<p>Salah satu tumpuan utama bidang makanan dan minuman (<i>food and beverage</i>, F&amp;B) Malaysia dan Thailand adalah untuk meningkatkan kehadiran Kumpulan dalam talian supaya dapat berhubung dengan pengguna secara lebih berkesan (halaman 68 dan 76, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Sejauh manakah kejayaan perniagaan e-dagang Kumpulan seperti F&amp;N Life, kedai dalam talian di Shopee dan Lazada di Malaysia, serta <i>nom aroi</i> di Thailand? Berapakah jumlah jualan daripada e-dagang yang menyumbang kepada jumlah pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2021?</p> <p>(b) Apakah rancangan Kumpulan untuk mengembangkan lagi perniagaan e-dagang? Apakah metrik yang digunakan oleh lembaga pengarah untuk mengukur kemajuan Kumpulan dalam e-dagang di Malaysia dan Thailand?</p>
Johan Holdings Bhd (AGM)	<p>Dynacare Sdn Bhd iaitu sebuah anak syarikat 60% milik Johan telah mensasarkan untuk memulakan pengeluaran sarung tangan secara komersial di kilang yang terletak di Perak pada akhir November 2021.</p> <p>(a) Adakah Dynacare sudah mula menyumbang dari segi kewangan kepada Kumpulan?</p> <p>(b) Siapakah bakal pelanggan sarung tangan Dynacare? Bagaimanakah syarikat akan bersaing dengan pengeluar sarung tangan lain yang berlumba-lumba memasuki pasaran, yang menyebabkan penurunan harga jualan purata sarung tangan semasa?</p> <p>(c) Dilaporkan bahawa kilang pembuatan sarung tangan itu menelan belanja RM624.1 juta untuk disiapkan. Apabila siap, kilang itu akan menempatkan 42 barisan pengeluaran. Berapakah jumlah pelaburan Johan dalam perniagaan sarung tangan? Adakah Johan merancang untuk memanfaatkan pembiayaan ekuiti untuk membiayai perniagaan baharu syarikat? Sebelum ini, Johan telah menyelesaikan pelaksanaan terbitan hak pada Julai 2021 dan</p>

	<p>berjaya mengumpulkan RM38.93 juta untuk membiayai perniagaan sarung tangannya.</p> <p>(d) Berapa lamakah masa yang diambil oleh Dynacare untuk mencapai pulang modal daripada pelaburannya?</p>
Astino Bhd (AGM)	<p>Amalan 4.2 daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (<i>Malaysian Code on Corporate Governance, MCCG</i>) menyatakan bahawa jika Lembaga Pengarah terus mengekalkan pengarah bebas selepas tahun kedua belas, Lembaga Pengarah perlu mendapatkan kelulusan tahunan pemegang saham melalui proses undian dua peringkat.</p> <p>Lembaga Pengarah melalui Resolusi 10 berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk seorang pengarah bebas yang telah berkhidmat selama lebih 12 tahun, untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat.</p> <p>Adakah Lembaga akan melaksanakan proses undian dua peringkat pada mesyuarat agung tahunan (AGM) yang akan datang, sejajar dengan Amalan 4.2? Jika tidak, apakah alasannya?</p>

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.



*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*